



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TINGKAT 11, MENARA TH PERDANA,
JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2612 5600

Fax: 603-2612 5620

Email: humanrights@suhakam.org.my

Web: www.suhakam.org.my

Tuan/Puan Pengarang yang dihormati,

UNTUK SIARAN SEGERA

RENCANA

KEKANGAN BAJET ANTARA SEBAB PROSES PEWARTAAN TANAH PERLAHAN –JAKOA Perak

Ipoh, 9 Mei - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak hadir bagi memberi penjelasan kepada 12 kes keseluruhan melibatkan Negeri Perak dalam sesi Pendengaran Awam hari ini. Pengarahnya, Mohd Zamri Mustajab memberi penerangan awal kepada ahli panel Pendengaran Awam berdasarkan enam skop atau peranan JAKOA iaitu profil penduduk Orang Asli, Projek Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Prasarana dan Infrastruktur, Kesihatan dan Perubatan, Minda dan Pendidikan dan Isu Tanah.

Negeri Perak terbahagi kepada 10 daerah, walaupun begitu hanya enam daerah sahaja yang menjadi penempatan masyarakat Orang Asli. Enam daerah tersebut adalah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Perak Tengah, Batang Padang dan Hilir Perak dengan jumlah keseluruhan melibatkan 52 787 orang penduduk sehingga 31 Disember 2011. Daerah Batang Padang merupakan daerah paling ramai penduduk iaitu 19,043 orang manakala daerah Hilir Perak dengan bilangan penduduk paling kecil iaitu sebanyak 1,863 orang. Perak merupakan negeri kedua tertinggi mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli selepas Pahang. JAKOA Perak juga turut bertanggungjawab bersama Negeri Kedah terhadap satu-satunya perkampungan Orang Asli di Kedah iaitu Kampung Orang Asli Lubok Legong, Baling. Berdasarkan pembahagian mengikut suku kaum, Semai mendominasi Negeri Perak dengan bilangan hampir 29 ribu orang, diikuti suku Temiar lebih kurang 20 ribu orang, seterusnya suku Jehai, Lanuh dan Kinta.

Pembentangan Mohd Zamri juga menjurus kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan merangkumi pelbagai aspek pembangunan fizikal, ekonomi, pendidikan dan kesihatan masyarakat Orang Asli.

Melalui projek pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh FELCRA atau FELDA iaitu sebanyak 40 projek melibatkan kawasan seluas 7,887.89 hektar. Selain itu melalui program bantuan perumahan kepada Orang Asli sebanyak 1,579 buah rumah telah dibina dalam masa lima tahun yang lepas dengan kos RM 43 juta.

Berkenaan pembangunan prasarana termasuklah jalan raya, pembinaan jambatan dan bekalan air tidak termasuk bekalan elektrik kerana pelaksanaan berkenaan dilakukan terus oleh pihak kementerian dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan peruntukkan keseluruhan sebanyak RM 60 juta untuk jangka masa lima tahun yang lepas.

Aspek kemudahan kesihatan dan pusat transit pula dibangunkan sebagai *'one stop centre'* disediakan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli dari pedalaman sebelum mendapatkan rawatan di hospital misalnya pesakit yang perlu mendapatkan rawatan berterusan dan wanita yang ingin melahirkan anak. Kos setahun adalah sebanyak RM 270 ribu.

Selain itu kebajikan kanak-kanak Orang Asli melibatkan aspek pengangkutan untuk ke sekolah sebanyak RM 1.6 juta, wang saku sebanyak RM 2 seorang diberi setiap hari untuk menggalakkan anak-anak Orang Asli pergi sekolah dengan jumlah keseluruhan RM 1.4 juta, bantuan makanan juga disediakan kerana kanak-kanak berulang alik ke sekolah serta untuk menggalakkan mereka ke sekolah, bantuan peralatan diri untuk anak-anak Orang Asli yang menetap di asrama sebanyak RM 500 ribu. Jumlah keseluruhan untuk bantuan kebajikan adalah sebanyak RM 4.7 juta.

Merujuk kepada isu tanah, arahan daripada pihak Berkuasa Negeri agar mewujudkan kerjasama dengan masyarakat Orang Asli telah mewujudkan Jawatankuasa Kerja Penyelesaian Isu-isu Tanah Berkaitan Pewartaan atau Pemberimilikan Tanah kepada Orang Asli. Setakat ini sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan yang dipengerusikan oleh JAKOA dan dianggotai oleh Yayasan Orang Asli, cendiakawan Orang Asli, wakil Koperasi Orang Asli, Pegawai Khas Orang Asli kepada YB Menteri Besar, Persatuan Orang Asli dan Pegawai-pegawai JAKOA peringkat daerah. Dalam mesyuarat yang telah diadakan, keputusan mesyuarat akan diangkat kepada agensi-agensi berkenaan secara berperingkat melibatkan pewartaan atau perizaban tanah sama ada melalui permohonan baru atau permohonan semula kes-kes terdahulu.

Secara rumusan, Mohd Zamri menjelaskan bahawa status terkini tanah Orang Asli yang telahpun diwartakan iaitu sebanyak 5,375.6 hektar, 2,400 hektar melibatkan kawasan kubur, 5,726 hektar telah diluluskan tetapi belum diwartakan manakala 16 ribu hektar tanah masih dalam permohonan. Jumlah keseluruhan tanah Orang Asli sebanyak 34 ribu hektar.

Pengerusi panel Tan Sri Hasmy Agam mengulas, penerangan ringkas daripada Pengarah JAKOA jelas menunjukkan peranan JAKOA sememangnya amat penting dan menyentuh pelbagai aspek dalam membangunkan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, Pendengaran Awam ini adalah satu saluran bagi pihak SUHAKAM untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai permasalahan tanah masyarakat Orang Asli bukan sahaja berdasarkan aduan rasmi kepada SUHAKAM tetapi menyentuh soal ketidakpuasan hati masyarakat Orang Asli terhadap JAKOA melibatkan isu-isu tanah. Hasmy turut menyatakan terdapatnya tuduhan-tuduhan mengatakan JAKOA tidak prihatin kepada masalah-masalah Orang Asli terutamanya isu-isu pencerobohan tanah, pembalakan dan pewartaan tanah.

Menjawab soalan, Mohd Zamri menjelaskan sememangnya kebergantungan masyarakat Orang Asli adalah sepenuhnya kepada JAKOA. Peranan JAKOA masih terhad walaupun begitu aduan-aduan berterusan melibatkan pembalakan haram di kawasan perkampungan mereka sehingga menjejaskan kehidupan harian dan isu-isu lain terutamanya mengenai tanah. JAKOA sedia maklum bahawa isu tanah adalah aspek paling penting buat masyarakat Orang Asli. Apabila Orang Asli membawa aduan dan meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap apa yang berlaku atas tanah mereka kepada JAKOA, Mohd Zamri memberitahu panel, " Apa yang pihak kami boleh

lakukan adalah merayu kepada pihak-pihak yang berkaitan, kami tiada kuasa, jika ada kuasa dah lama kami wartakan tanah tersebut”. Menurut Mohd Zamri lagi JAKOA hanya boleh memohon tanah, seterusnya adalah tindakan pihak agensi-agensi berkenaan untuk meluluskan. Beliau juga menyatakan untuk mengemukakan dokumen-dokumen untuk menunjukkan bahawa terdapatnya usaha-usaha proaktif dilakukan oleh JAKOA dalam permasalahan tanah Orang Asli. Mohd Zamri turut menambah Orang Asli di Perak boleh dibahagikan kepada dua iaitu kawasan pedalaman dan kawasan pinggir bandar. “Masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman kampung masih bergantung sepenuhnya kepada JAKOA tetapi Orang Asli di pinggir bandar mereka dah boleh uruskan kehidupan sendiri”, jelasnya lagi.

Ahli panel, Datuk Dr. Khaw Lake Tee mengutarakan isu berkenaan rizab tanah Orang Asli. Menurutnya jika dirujuk kepada pembentangan Mohd Zamri, aspek pembangunan infrastruktur dan prasana memperuntukkan sebanyak RM 60 juta dan adakah peruntukkan tertentu untuk pewartaan tanah diberikan kepada JAKOA Perak.

“Ya, peruntukkan ada untuk JAKOA Perak tetapi peruntukkan itu jumlahnya dikongsi oleh Negeri-negeri lain dan dikawalselia oleh JAKOA Ibu Pejabat. Untuk makluman ahli panel juga, dalam mesyuarat penyelarasan bajet dua minggu lepas saya dah kemukakan peruntukkan untuk kerja-kerja mengukur di Perak, Cuma saya tak pasti boleh diluluskan atau tidak”, jelas Mohd Zamri.

“Kita juga menghadapi kekangan dari segi bajet. Cuba bayangkan jika kita dapat wartakan 34 ribu hektar tanah Orang Asli ini, berapa ratus juta kita perlu sediakan (untuk kerja-kerja mengukur) tetapi yang paling penting bagi saya ialah apabila permohonan tanah dah diluluskan (walaupun belum diwartakan) itu dah menjadi jaminan. Maknanya dah terdapat perubahan dalam proses permohonan. Berkenaan peruntukkan, sememangnya di peringkat negeri, kita akan memohon dari JAKOA Ibu Pejabat”, kata Mohd Zamri.

Jelas Mohd Zamri lagi, pewartaan melibatkan pengukuran sempadan kawasan dan kos mengukur adalah tinggi. “Kita bukannya tak buat kerja-kerja mengukur, kita ada buat tetapi kerana kekangan peruntukan, kerja-kerja pengukuran ada, tapi perlahan”, tegas Mohd Zamri.

- TAMAT -

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

NOTA UNTUK PENGARANG

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) kini dalam proses menjalankan **Inkuiri Nasional (NI) mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia** yang julung kali diadakan. SUHAKAM memutuskan untuk menjalankan NI berikutan banyak aduan dan memorandum yang telah diterima sejak beberapa tahun lepas atas dakwaan pelanggaran hak ke atas tanah Orang Asli. Kuasa untuk menjalankan Inkuiri Nasional ini adalah termaktub di bawah Section 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang memberi kuasa kepada SUHAKAM untuk antara lain mendapatkan dan menerima keterangan bertulis atau lisan; dan untuk memeriksa sesiapa yang difikirkan perlu sebagai saksi.

Pendengaran awam ini akan dijalankan berdasarkan kuasa yang diperuntukkan dibawah seksyen 14 Akta SUHAKAM dan Panel akan mengutarakan soalan berdasarkan **TERMA RUJUKAN** Inkuiri Nasional seperti berikut:-

- i. Untuk menentukan pengiktirafan hak tanah Orang Asal/Asli berdasarkan perlembagaan, undang-undang, pentadbiran dan politik serta keberkesanannya dalam melindungi dan mempromosi hak Orang Asal/Asli kepada tanah;
- ii. Untuk menyelidik keadaan hak tanah Orang Asal/Asli dan kesan pengiktirafannya terhadap hak sosial, ekonomi, budaya dan politik, dengan mengambilkira undang-undang antarabangsa serta domestik yang berkaitan;
- iii. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang Orang Asal/Asli dari merealisasikan hak asasi terhadap tanah berasaskan keperluan mereka;
- iv. Untuk memupuk serta mempromosi lebih kesedaran, pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang hak Orang Asal/Asli kepada tanah dan cara hidup mereka;
- v. Berdasarkan hasil penyelidikan Inkuiri Nasional, merangka syor-syor untuk perhatian kerajaan Persekutuan dan Negeri yang merangkumi, antara lain, aspek-aspek berikut:
 - a. kajian semula perundangan domestik tanah serta lain-lain perundangan dan polisi yang berkaitan, dengan tujuan menerapkan pendekatan hak asasi manusia, yang seterusnya akan menangani masalah tuntutan tanah adat di kalangan Orang Asal/Asli; dan
 - b. perumusan strategi-strategi dan pelan tindakan yang menekankan komponen perlindungan dan promosi hak Orang Asal/Asli kepada tanah sebagai aspek penting dalam melindungi dan mempromosi lain-lain hak asasi Orang Asal/Asli.

Ahli Panel bagi Pendengaran Awam Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asli di Semenanjung dipengerusikan oleh Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Hasmy Agam dan dibantu oleh Naib Pengerusi SUHAKAM, Datuk Dr Khaw Lake Tee dan Pesuruhjaya Puan Jannie Lasimbang, serta konsultan bebas Datuk Denison Jayasooria dan Dr Colin Nicholas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noor Azizah Haji Atdenan

Ketua Pegawai Perhubungan Awam

Tel: +603-2512 5641 / +6012-206 7406

Emel: nazizahatdenan@gmail.com

Elza Nadiyah Shaik Sulaiman

Pegawai Perhubungan Awam

Tel: +603-2512 5687 / +6010-344 7596

Emel: elzanadahss@gmail.com

Dzul Affandi MatNoor

Pegawai Perhubungan Awam

Tel: +603-2612 5681 / +6016-840 4322

Emel: lovedjacque@gmail.com